

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000**

FEBRUARI 2000

RPK 558 – Perundangan Dan Pentadbiran Perancangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. (a) Nyatakan unsur-unsur rationaliti dalam penyediaan Rancangan Struktur dalam Peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa (PBD) 1976.

(10 markah)

- (b) Adakah Akta PBD 1976 juga mengamalkan model rationaliti untuk penyediaan Rancangan Tempatan?

(5 markah)

- (c) Sistem Rancangan Struktur dan Tempatan telah diperkenalkan di U.K. untuk mengatasi masalah kurang fleksibiliti. Adakah Akta PBD 1976 memperuntukkan unsur fleksibiliti?

(10 markah)

(25 MARKAH)

2. Bincangkan perkara-perkara berikut:

(a) Aktiviti Perancangan Bandar mencero bohi hak pemilikan tanah.

(5 markah)

(b) Syarat-syarat perancangan hendaklah sah daripada peruntukan Akta PBD 1976.

(5 markah)

(c) Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) serupa dengan Pihak Berkuasa Tempatan

(5 markah)

(d) Jawatankuasa Perancangan Negeri mempunyai kuasa mutlak terhadap perkara-perkara berkenaan perancangan bandar.

(5 markah)

(e) Keputusan Lembaga Rayuan Perancangan walaupun muktamad boleh dicabar di mahkamah.

(5 markah)

(25 MARKAH)

3. Mengikut Seksyen 34A – Pindaan Akta A636, Kajian Kesan Alam Sekeliling telah ditetapkan untuk aktiviti-aktiviti yang disenaraikan oleh Jabatan Alam Sekitar. Bincangkan kekuatan dan kelemahan pelaksanaan Seksyen 34A dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

(25 MARKAH)

4. Pihak Berkuasa Tempatan seringkali menghadapi pelbagai halangan di dalam usaha mereka untuk menguatkuasakan undang-undang perancangan. Bincangkan masalah-masalah tersebut.

(25 MARKAH)

oooOOooo